
Radio sebagai alat komunikasi pembangunan: Satu tinjauan khalayak Radio 3 Pulau Pinang

Sawaluddin Anis*

ABSTRAK

Makalah ini meninjau perkembangan dan peranan radio sebagai alat penyebaran rancangan pembangunan kepada rakyat secara sepintas lalu. Dua faktor penting dalam pengembangan media ini diuraikan. Pertamanya, faktor peluang universal (universal access) dan keduanya, faktor proses komunikasi pelbagai haluan (multidirectional communication) termasuklah konsep penglibatan dan bertimbal balas yang dijelaskan dalam teori media interaktif ini. Rangkaian Radio 3 Pulau Pinang seperti rancangan Suri 10-12, Mutiara 2-5 dan Hiburan, khusus untuk suri rumah tangga dan wanita bekerja mengikut syif, digunakan sebagai contoh memperkukuh teori di atas. Beberapa faktor yang menarik dalam tinjauan Rangkaian Radio 3 Pulau Pinang seperti tujuan, latar belakang pendengar serta hasil tinjauan dibentangkan dalam makalah ini.

Pengenalan

Penyiaran radio ke seluruh negara di negara kita bermula pada tahun 1951. Radio di Malaya telah memulakan Siaran Darurat dan Siaran Luar Bandar dalam empat bahasa yang utama, iaitu bahasa Melayu, Inggeris, Cina, dan Tamil. Pada mulanya, radio digunakan sebagai alat propaganda anti komunis, tetapi kemudian ia terus digunakan untuk menghebahkan rancangan-rancangan pembangunan (Karthigesu,

* Penulis berkhidmat sebagai seorang pensyarah di Rancangan Komunikasi, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Kini beliau memegang jawatan Pofesor Madya dan Ketua Unit Penasihat Pengajaran Pembelajaran di universiti yang sama. Beliau memegang ijazah Ph.D. dari University of Southern California dalam bidang komunikasi massa dan pengiklanan.

1990). Pembentukan beberapa rangkaian radio seperti di atas pada masa itu selari dengan hasrat penjajah yang hendak mengekalkan polisi pemerintahan pecah dan perintah (*divide and rule*), iaitu pendengar radio ditentukan mengikut pelunjuran kaum dan pendidikan.


Pada tahun berikutnya iaitu tahun enam puluhan hingga tahun tujuh puluhan, siaran Radio Malaya telah meliputi seluruh Semenanjung dengan 8 pemancar gelombang pendek dan 20 pemancar gelombang sederhana. Radio telah menjadi salah satu alat komunikasi yang utama dikalangan penduduk negara ini. Bentuk radio pada waktu itu ialah satu alat yang menyerupai peti atau kotak yang agak berat dan tidak mudah dialih, yang biasanya diletakkan di ruang tamu. Alat radio ini biasanya menggunakan kuasa elektrik atau kuasa bateri basah yang perlu dicas seminggu sekali. Pada kebiasaannya ahli-ahli keluarga akan berkumpul di hadapan set radio untuk mendengar siaran radio. Ada kalanya suara radio perlu dikuatkan supaya *orang di dapur* dapat menikmatinya bersama.

Antara rancangan yang popular pada waktu itu ialah rancangan *Warta Berita*, *Lagu-lagu Permintaan Suka Ramai*, drama seperti *Sandiwara Radio*, *Cerita Seram*, rancangan pembangunan pula seperti *Kebun Pak Awang* dan *Bumi Hijau*. Juruhebah, pembaca berita, dan pelakon drama radio menjadi tokoh-tokho yang sangat popular.

Teknologi radio bukan hanya mampu memberikan hiburan tetapi juga berupaya menyampaikan maklumat kepada pendengar. Malangnya, radio hanya dapat mengutarakan proses komunikasi yang berbentuk sehala; bukan yang berbentuk interaktif (Rogers, 1986).

Dengan tercatusnya revolusi transistor bentuk peti radio menjadi kecil (*miniaturized*) dan harganya jauh lebih murah. Radio menjadi alat pendengaran yang tersebar luas. Perkembangannya sangat mengagumkan terutama di negara yang sedang membangun. Kajian yang dijalankan di perkampungan di negara membangun seperti negara-negara Latin Amerika, negara-negara Afrika, dan India mendapati radio digunakan dengan begitu meluas (Rogers, 1983). Di Malaysia pula 67 peratus daripada penduduknya mendengar radio, satu jumlah penggunaan media yang kedua tertinggi jika dibandingkan dengan penonton media komunikasi yang lain, seperti yang terdapat dalam jadual 1.2 di bawah ini:

Jadual 1.2 Kecenderungan Penggunaan Media Di Malaysia 1991



Sumber: Malaysia Media Guide 1991

Perkembangan rangkaian radio di negara ini agak kompleks. Buktinya, kini terdapat dua rangkaian yang terbesar iaitu Rangkaian Nasional yang merangkumi lima stesen (Radio 1 Bahasa Malaysia, Radio 2 FM, Radio 4 Bahasa Inggeris, Radio 5 Bahasa Cina, dan Radio 6 Bahasa Tamil) dan Rangkaian Tempatan atau Local Network (terdiri daripada Radio 3 Radio Tempatan, Ibu Kota, dan sebagainya; kesemuanya berjumlah 22 rangkaian). Jumlah rangkaian radio di Malaysia tidak kurang daripada 28 rangkaian kesemuanya (Malaysia Media Guide 1992). Antara rangkaian-rangkaian ini Radio 3 Radio Tempatan ialah yang paling popular sekali didengar setiap minggu, seperti yang terdapat dalam jadual 1.3 di bawah ini:

Jadual 1.3 Jumlah Pendengar Setiap Minggu Mengikut Rangkaian Mei/Jun 1992

| Jenis Rangkaian | Pendengar Setiap Minggu |
|-----------------|-------------------------|
| Radio 3 | 28 % |
| Radio 1 | 26 % |
| Radio 5 | 14 % |
| Radio 2 | 11 % |
| Radio 4 | 8 % |
| Radio 6 | 5 % |

Sumber: Surver Research Malaysia 1992

Walaupun perkembangan ini adalah menarik, namun demikian kita masih lagi mewarisi pembahagian pendengar radio mengikut pelunjuran kaum, pendidikan, umur, pendapatan, dan tempat pendengar itu tinggal (Grenfell, 1978: 99). Contohnya, pada hari ini kita dapati bahawa Radio 1 Bahasa Malaysia mempunyai 95% pendengar kaum Melayu, Radio 4 Bahasa Inggeris 68% kaum Cina, Radio 5 Bahasa Cina 99% kaum Cina, Radio 6 Bahasa Tamil 97% kaum Tamil (Malaysia Media Guide 1992). Namun demikian, akhir-akhir ini, terdapat sedikit perubahan dalam profil pendengar yang terdiri daripada pendengar berbilang kaum dan latar belakang pendidikan yang berbeza bagi satu-satu rangkaian, terutamanya pendengar rangkaian Radio 2 FM (Malaysia Media Guide 1992).

Rancangan pembangunan, khususnya dalam bidang pertanian, kesihatan, ekonomi, pembetukan mental, dan motivasi bermula di negara Kanada. Dengan bantuan UNESCO, rancangan ini kemudiannya dipopularkan dan diperkembangkan ke benua lain, seperti Afrika, Latin Amerika, dan Asia, dan akhirnya pengaruhnya sampai ke Asia Tenggara, seperti Indonesia, Thailand, dan Malaysia pada awal tahun enam puluhan. Walaupun hanya segelintir rancangan yang berbentuk pembangunan ini yang masih hidup, kebanyakan rancangan seperti ini telah lama berkubur (Fulk et al., 1988: 7-8). Soalnya, mengapakah perkara seperti ini berlaku padahal pada satu ketika dahulu rancangan pembangunan ini merupakan rancangan yang sangat digemari serta mempunyai pendengar yang setia? Penulis berpendapat antara sebab musababnya ialah perkembangan teknologi lain yang lebih canggih seperti televisyen, yang mengambil alih peranan radio ini. Data

kecenderungan khalayak pengguna media di Malaysia 1992, sebagaimana yang digambarkan dalam Jadual 1.2, menunjukkan arah perkembangan ini. Keluarga moden kini jarang sekali berkumpul-khusus untuk mendengar radio seperti yang berlaku pada satu ketika dahulu. Kehidupan di desa telah banyak berubah. Penghijrahan tenaga manusia dari luar bandar ke bandar untuk mendapatkan penghidupan yang lebih lumayan menjadi fenomena biasa. Siaran radio yang biasanya hanya dapat dikomunikasikan secara sehala tidak dapat lagi menguasai tumpuan pendengar sepenuhnya seperti yang terdapat pada satu ketika dahulu. Justeru itu, jika radio ingin mengekalkan pengaruhnya, media ini perlulah mengubah haluannya supaya ia dapat menampung citarasa masyarakat yang telah banyak berubah keperluan dan minatnya.

Teori

Antara berbagai-bagai teori komunikasi yang menarik yang ada hubung kaitnya secara langsung dengan media ini ialah teori media yang berbentuk interaktif. Interaktif bermaksud media yang berpotensi memberikan tindak balas kepada mereka yang sedang berkomunikasi. Dalam konteks ini, Markus (1990), mengutarakan dua perkara penting kepada kita berkaitan dengan media. Pertamanya, faktor peluang univesal, iaitu media yang berbentuk *universal access* yang bermaksud bahawa kedua-dua orang yang berkomunikasi (punca dan pendengar) dapat berhubung dengan menggunakan saluran media yang sama. Keduaanya, teknologi yang digunakan ini bukan hanya mempunyai proses dua haluan seperti sistem tindak balas (Mansor, Ramli, dan Shawaluddin 1984), tetapi juga mempunyai proses komunikasi pelbagai haluan atau *multidirectional communication*. Kedua-dua faktor inilah yang menyedarkan pengguna terhadap peluang yang dapat dimanfaatkan mereka. Justeru itu, hubung kait yang berbentuk *bertimbal balas* atau *reciprocal* (Thompson 1967) antara punca dengan pendengar secara serentak dan kolektif akan mengembangkan sesuatu inovasi seperti rancangan radio itu. Tanpa proses timbal balas ini perkembangan rancangan radio akan terbantut.

Suasana seperti ini, semasa siaran radio keseluruhannya (kecuali Rediffusion dan Radio Johore) dikuasai oleh kerajaan maka terdapat pertalian yang rapat antara rancangan radio yang disiarkan oleh pihak kerajaan dengan pendengar. Ringkasnya radio bertujuan mewujudkan hubungan erat antara pihak-pihak yang berkuasa dengan rakyat (Gomes 1985; Sulaiman Masri 1983; Garnet dan Eiger 1971; dan DeFleur dan Dennis 1981). Proses bertimbal balas antara punca dengan pendengar adalah penting untuk menjamin kejayaan yang sepenuhnya supaya cita rasa pendengar yang pelbagai ini dapat dipenuhi.

Di Malaysia pada satu ketika dahulu, siaran radio yang berbentuk sehala (punca kepada pendengar) seperti dalam rancangan-rancangan *Kebun Pak Awang*, *Buku Hijau*, *Sendawara Radio*, *Rancangan Seram*, dan sebagainya mempunyai pendengar yang setia. Pendengar sering kali berkumpul dan mengikuti rancangan ini dengan penuh minat. Malangnya, dengan tercetusnya revolusi transistor, rekaan yang sama juga menjadikan masyarakat menuju ke era baru. Rekaan teknologi baru melahirkan pengharapan serta kehendak yang berbeza. Rancangan radio yang

menggunakan konsep persembahan lama tidak dapat lagi menampung citarasa pendengar yang lebih kompleks ini. Rekaan teknologi canggih dalam media elektronik, seperti televisyen dan sebagainya, mengambil alih peranan radio. Peranan radio sebagai penyebar *fikiran rayat* dipersoalkan. Secara keseluruhannya peranan radio hanyalah terhad kepada selingan halwa telinga dan tidak lebih daripada itu. Justeru itu, faktor peluang yang dapat dimanfaatkan, faktor media yang mempunyai fungsi *multidirectional* serta konsep penglibatan dan bertimbal balas ini mampu mendapatkan perhatian pendengar.

Dalam hal ini pendengar tidak lagi dianggap sebagai pendengar yang pasif tetapi yang aktif. Secara teorinya penglibatan ini dapat dilakukan dengan mengadakan rancangan-rancangan tempatan yang berkisar dalam masyarakat untuk faedah masyarakat tempatan. Proses bertimbal balas dilakukan dengan berbagai cara, umpamanya menerusi telefon secara siaran langsung atau *live on air*, atau melalui rancangan penceramah jemputan, atau rancangan soal jawab, atau liputan pemberitaan atau peristiwa semasa yang dihubungkan dengan hal-hal tempatan. Perkembangan ini, penulis kira, dapat memantapkan kembali kesetiaan pendengar radio pada paras yang lebih tinggi, yang kini telah meningkat kepada 64 hingga 67 peratus (Malaysia Media Guide 1992).

Tinjauan

Tujuan

Tinjauan kajian ini adalah untuk mengukur penerimaan kaum wanita, khususnya suri rumah tangga dan wanita bekerja mengikut syif, terhadap Rancangan Radio 3 Pulau Pinang. Rangkaian dan rancangan-rancangan tertentu yang dipilih dalam kajian ini berasaskan penumpuan pendengar mingguan yang tertinggi di kawasan utara seperti yang terdapat dalam kajian SRM 1992 (Survey Research Malaysia, Radio Diary Survey 1992). Dari segi waktu siaran rancangan pula, secara purata waktu yang dipilih dalam tinjauan ini mempunyai frekuensi pendengarnya paling tinggi. Secara kebetulan juga waktu ini juga mempunyai pendengar paling tinggi dalam sehari untuk radio tempatan yang lain, seperti Radio 3 Kangar, Radio 3 Alor Star, Radio 3 Ipoh, Radio 3 Ibu Kota, Radio 3 Sahah Alam, Radio 3 Seremban, Radio 3 Melaka, Radio 3 Johor Bahru, Radio 3 Kuantan, Radio 3 Kuala Terengganu, dan Radio 3 Kota Bahru (Survey Research Malaysia, Radio Diary Survey 1992).

Latar Belakang Pendengar

Saiz sampel yang dipilih diambil daripada persekitaran Pulau Pinang. Soal selidik dikendalikan ke atas 150 orang responden di dua kawasan perumahan yang berasingan. Mereka yang dipilih dalam tinjauan ini terdiri daripada berbagai kaum, dalam lingkungan umur 21 hingga 40 tahun, berpendidikan sekurang-kurangnya sekolah menengah, beraliran Melayu, atau Inggeris, atau Cina, atau India, dan berpendapatan tidak lebih daripada MR1,000 sebulan. Mereka yang berpendidikan tinggi dan berpendapatan lebih daripada MR1,000 merupakan golongan pendengar

radio yang sangat kecil pratusannya (10-19%) (1991 SRM Media Indwx Mid-Year 1991). Dalam kajian lain yang dijalankan di dua kawasan di Pulau Pinang, gambaran latar belakang pendengar ini tidak jauh bezanya (Hamidah Hamid dan Hamima Dona, 1988).

Pendengar rangkaian ini juga terdiri daripada mereka yang dapat menguasai Bahasa Melayu dengan baik dan bahasa pertuturan yang digunakan di rumah ialah sama ada Bahasa Melayu, Bahasa Cina atau Bahasa Tamil. Dari profil pekerjaan mereka ini pula ada yang bekerja dengan kerajaan, dengan pihak swasta, seperti sektor pembuatan dan perkilangan, dan ada juga sebagai suri rumahtangga.

Penemuan Dan Perbincangan

Penglibatan pendengar yang diamalkan dalam rancangan Radio 3 Pulau Pinang untuk masyarakat di Utara Semenanjung dimanfaatkan oleh masyarakat tempatan. Rancangan-rancangan yang menggunakan proses bertimbal balas, sama ada melalui telefon, penceramah jemputan, menulis surat ke stesen, menghantar kad-kad respon kepada juruhebah, temu bual dan temuramah, persembahan isu-isu tempatan adalah sangat digemari oleh pendengar. Maklumat yang terkumpul menunjukkan bahawa waktu mereka mendengar rancangan tempatan secara purata adalah seperti berikut: 53 peratus pendengar mendengar sekurang-kurangnya 1-3 jam sehari (lihat Jadual 1.4). Kiraan dalam jangkamasa seminggu pula secara purata ialah 37 peratus pendengar mendengar di antara 6 hingga 26 jam seminggu, sementara hampir 50 peratus mendengar kurang daripada 5 jam seminggu. Ini menggambarkan kepada kita bahawa kebanyakan pendengar dalam tinjauan ini mempunyai masa untuk mendengar radio. Mereka ini mendengar radio sama ada di rumah (63 peratus), atau pun di tempat kerja (37 peratus).

Seterusnya, tinjauan ini mendapati bahawa sebahagian besar (84 peratus) daripada mereka yang mengikuti Radio 3 Pulau Pinang bertujuan mendapatkan maklumat dan hiburan. Terdapat 62 peratus lainnya hanya mendengar untuk mengisi masa lapang. Walau bagaimanapun, terdapat sekumpulan besar daripada pendengar yang setia sama ada kepada sesuatu rancangan ini (43 peratus) ataupun kepada juruhebah yang bertugas di Radio 3 Pulau Pinang (36 peratus), seperti yang terdapat dalam Jadual 1.6 di bawah ini:

Jadual 1.4 Mendengar Radio Dalam Sehari

| Lama Mendengar | % |
|-----------------|------|
| 30 min - 1 jam | 26.4 |
| 1 - 2 jam | 38.0 |
| 2 - 3 jam | 15.6 |
| 3 jam ke atas | 5.8 |
| Tiada berkenaan | 14.0 |

n = 150 100.0

Jadual 1.5 Mendengar Radio Dalam Seminggu

| Lama Mendengar | % |
|-----------------------|------|
| Kurang daripada 5 jam | 49.6 |
| 6 - 15 jam | 24.8 |
| 16 - 25 jam | 9.9 |
| 26 jam ke atas | 1.7 |
| Tiada berkenaan | 14.0 |
| n=150 100.0 | |

Jadual 1.6 Tujuan Dan Sebab Mendengar Radio

| Tujuan Mendengar Radio | % |
|------------------------|------|
| Maklumat | 84.3 |
| Hiburan | 84.3 |
| Mengisi masa lapang | 62.0 |
| Meminati rancangan | 43.0 |
| Meminati juruhebah | 36.4 |
| n=150 | |

Keseluruhannya terdapat tiga rancangan di Radio 3 Pulau Pinang yang dikaji selidik diterima dengan baik oleh pendengar rangkaian ini, terutamanya dalam segmen hiburan *Mutiara 2-5* dan *Suri 10-12*, seperti yang dibentangkan dalam Jadual 1.7 di bawah ini:

Jadual 1.7 Rancangan Yang Diminati Oleh Pendengar Tempatan

| Rancangan | % |
|----------------------------|------|
| Suri 10-12 | 67.8 |
| Mutiara 2-5 | 72.3 |
| a) Segmen Kuliah Fardu Ain | 68.1 |
| b) Segmen Tetamu Khas | 66.0 |
| c) Segmen Rampain Utara | 44.4 |
| d) Segmen Wira Kota | 6.5 |
| e) Segmen Suara Peladang | 8.5 |
| Hiburan | 87.2 |
| n=150 | |

Sambutan pendengar ke atas segmen *Wira Kota* dan *Suara Peladang* agak dingin kerana khalayak tinjauan ini bukanlah merupakan sasaran utama rancangan tersebut. Oleh itu hasil ini memang dijangkakan.

Segmen rancangan radio yang mendapat sokongan ialah program yang berbentuk penglibatan pendengar atau yang berbentuk interaktif, seperti yang telah dijelaskan dalam bahagian teori di atas tadi. Sebagai contoh, rancangan-rancangan ini memberikan peluang kepada pendengar melibatkan diri, seperti mengutarakan soalan melalui telefon tentang sebarang kemusykilan atau mengemukakan soalan pandangan yang ingin diajukan dalam rancangan tersebut secara langsung untuk mendapatkan penjelasan ataupun pengetahuan, atau memanggil penceramah jemputan yang terdiri daripada tokoh-tokoh tempatan, seperti ustaz, pegawai-pegawai di jabatan-jabatan tertentu, tokoh-tokoh politik yang dijemput khas untuk melibatkan diri dalam rancangan tersebut. Tokoh-tokoh ini mempunyai kewibawaan dan karisma yang tersendiri dan dengan demikian mempunyai pengaruh ke atas masyarakat tempatan.

Liputan pemberitaan peristiwa semasa pula dapat membangkitkan semangat yang positif atau pun melahirkan rungutan masyarakat itu sendiri, seperti peristiwa banjir di lembah Sri Rambai, di kawasan Bukit Mertajam, Pesta Pulau Pinang di Sungai Nobong dan sebagainya yang merupakan berita-berita "besar" dan bermakna bagi mereka yang tinggal di kawasan ini. Berita-berita khusus yang dapat menarik minat kaum wanita umumnya ialah kesihatan, persolekan dan kecantikan, rumah tangga, resepi-resepi masakan, wanita dan kerjaya dan sebagainya yang sering mendapat reaksi baik daripada golongan-golongan tertentu. Bagi mereka, maklumat tempatan seperti ini bukan hanya mempunyai erti yang tertentu tetapi juga mempunyai kaitan dengan kehidupan harian masyarakat tempatan mereka. Sebaliknya, jika rancangan itu mengutarakan berita ekonomi negara, seperti isu pengurangan tarif dan cukai bagi barang-barang yang diekspor, selain para pengeksport yang terlibat, kebanyakan pendengar tidak akan begitu mengendahkan berita seperti ini kerana ia tidak mempunyai makna atau implikasi tertentu kepada mereka secara langsung. Berita ini bagi kebanyakan pendengar tempatan merupakan sesuatu yang asing kepada mereka. Tetapi jika berita itu adalah tentang air bah di lembah Sri Rambai, Bukit Mertajam, atau banjir di Jelutong, maka berita itu merupakan berita yang mempunyai makna serta implikasi yang tertentu kepada pendengar di sini.

Menghebahkan maklumat yang mempunyai minat yang tinggi bererti akan mendorong pendengar melibatkan diri dengan siaran itu. Ekoran daripada dorongan ini, pendengar akan tertarik untuk berhubung terus dengan rancangan itu dengan berbagai-bagai cara yang mungkin, seperti yang telah dijelaskan sebelumnya. Penglibatan seperti ini adalah penting untuk menggalakkan berlakunya proses timbal balas dan justeru itu proses ini dapat menarik pendengar serta memupuk kesetiaan kepada siaran itu.

Dalam rancangan *Suri 10-12*, 60 peratus daripada pendengar memberikan tumpuan kepada rancangan ini 1 hingga 2 jam sehari. Dan antara pilihan intisari kandungan yang diminati oleh pendengar secara keseluruhannya terdiri daripada topik-topik seperti kecantikan, kesihatan, kaunseling atau penasihat, petua dan resepi, serta lagu dan hiburan, seperti yang terdapat dalam Jadual 1.8 di bawah ini:

Jadual 1.8: Pilihan Intisari Bahan Rancangan "Suri 10-12"

| Pilihan | % |
|----------------------------|------|
| Kecantikan | 70.2 |
| Kesihatan | 70.2 |
| Kaunseling/khidmat nasihat | 69.5 |
| Petua | 68.6 |
| Resepi | 68.6 |

n= 150 100%

Perkara lain yang menarik pendengar yang dinyatakan dalam tinjauan ini ialah peranan juru hebah yang mengendalikan sesuatu rancangan. Walaupun juruhebah Radio 3 Pulau Pinang kebanyakannya wanita yang melakukan tugas penyiaran secara berselang seli setiap hari, (contohnya dalam rancangan *Suri 10-12*) pendengar berpuas hati dengan cara penyampaian juru hebah ini. Namun demikian ada antara juru hebah ini yang lebih diminati daripada yang lain. Dalam tinjauan soalan berikutnya kami mendapati pendengar mencadangkan beberapa perubahan ke atas cara penyampaian juru hebah. Antaranya persembahan dan penyampaian juru hebah perlulah ringkas, mudah dan padat, tidak terlalu lama sesi percakapannya menyelangselikan lagu hiburan dengan lebih kerap, serta membuat kajian latar mengenai sesuatu topik sebelum dibincangkan untuk mengelakkan kebosanan pendengar. Cadangan-cadangan ini membuktikan kepada kita bahawa penglibatan dan proses timbal balas berlaku berterusan di kalangan pendengar rangkaian ini.

Maklum balas seperti yang terdapat dalam siaran Radio 3 Pulau Pinang ini menunjukkan bahawa pendengar masa kini ialah pendengar yang aktif, yang akan menentukan kejayaan proses komunikasi yang berbentuk timbal balas ini. Faktor-faktor penglibatan dan menyetempatan (*localization*) yang telah pun dijelskan di atas, seperti jumlah masa seseorang itu mendengar rancangan tempatan, tujuan ia mendengar, rancangan yang diminati, intisari segmen rancangan yang digemari serta reaksi pendengar terhadap sumber penyiaran itu sendiri seperti juruhebah, adalah antara faktor-faktor yang menyokong proses yang diprolehi mereka ini (*universal access*) yang di dalamnya mereka melibatkan diri (bertimbal balas) dengan membangkitkan berbagai-bagai reaksi terhadap rancangan itu. Radio berpotensi mengamalkan proses komunikasi pelbagai haluan ini dengan memenuhi dan melayani berbagai-bagai pendapat, kemuskilan atau rungutan pendengar mengikut rancangan dan waktu siaran yang tertentu. Reaksi yang berbeza-beza ini memungkinkan siaran itu menarik pendengar tempatan yang setia kepada sesuatu rancangan. Justeru itu, kedua-dua peranan punca (radio) dan peranan pendengar (penerima) telah menjadi satu gabungan atau jalinan yang berinteraktif dan terikat antara satu dengan lain. Tanpa proses ini, peranan dan perkembangan radio untuk meluaskan pendengarannya, terutamanya pendengar tempatan akan terhad.

Kesimpulan:

Dalam makalah yang ringkas ini saya telah mengutarakan teori media yang mirip kepada interaktif. Dua faktor penting telah dinyatakan di sini. Faktor peluang universal atau *universal access* dan faktor komunikasi pelbagai haluan atau *multi-directional communication*. Aspek penglibatan (bertimbal balas) dan perihai menyetempatan (*localization*) adalah aspek yang memungkinkan sesuatu media dapat berkembang dengan meluas di suatu kawasan yang sudah pun ditentukan. Radio 3 Pulau Pinang menjadi contoh tinjauan ini.

Rujukan

- DeFleur, M. L. & Dennis, E. E. 1981. *Understanding mass communication*. 3rd. Ed. Boston: Houghton Mifflin Co.
- Fulk, J., Rogers, E.M., & Von Gilnow, M.A. 1988. Diffusion of technologies in Third World countries: A comparative predictions from three alternative perspectives. Paper presented at the Pan Pacific Conference, Singapore, May 16-18.
- Grenfell, N. 1978. *Switch on, switch off*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Gomez, E.D. 1985. Penggunaan stesen radio tempatan dalam pembangunan komuniti. Dalam J.F. Jamias (pnyt.). *Komunikasi Pembangunan*: 103-113. Ter. Samsudin A. Rahim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamidah H. & Hamima D. M. 1988. Rancangan "Orang muda" dan "Sekapur sirih" *Radio Malaysia kawasan utara*. Kajian maklum balas pendengar di Gelugor dan Bayan Baru, Pulau Pinang. Universiti Sains Malaysia.
- Karthigesu, R. 1990. Two decades of development of televisyen Malaysia and its contribution to nation building. Disertasi Ph.D. Centre for Mass Communication Research, University of Leicester.
- Mansor A. S., Ramli M., & Shawaluddin A. 1984. *Pengantar komunikasi*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Markus, L. M. 1990. Toward a "Critical Mass" theory of interactive media. Dalam J. Fulk & C. Steinfield (eds.). *Organizations and communication technology*. Newbury Park, CA: Sage Publication, Inc.
- Panos Institute/BBC World Service 12/8/92. 1992. Data sedutan The New Straits Times Press Research Services, Oktober 24.

Rogers, E. M. 1986. *Communication technology: The new media in society*. New York: The Free Press.

Rogers, E. M. 1986. *Diffusion of innovations*. 3rd. Ed. New York: The Free Press,
The New Encyclopedia Britannica, Vol. 15. Chicago: Helen Hemingway Benton,
Publisher. 1981.

Sulaiman M. 1983. *Peranan media massa di negara-negara membangun*. Kuala Lumpur: Penerbit Sarjana (M) Sdn. Bhd.

Thompson, J. D. 1967. *Organization in Action*. New York: McGraw-Hill.